

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir

05
OCT

TIGA PENSYARAH USM DIKTIRAF SEBAGAI HIGHLY CITED RESEARCHER OLEH CLARIVATE ANALYTICS



Heartiest Congratulations MALAYSIA'S RESEARCH STAR AWARD (MRSA) 2017

Professor Ir. Dr. Mariatti Jaafar@Mustapha
School of Materials and Mineral Resources Engineering
Economic Impact Researcher

Professor Dr. Lean Hooi Hooi
School of Social Sciences
Frontier Researcher

Professor Dr. Abdul Latif Ahmad
School of Chemical Engineering
Highly Cited Researcher

Professor Dr. Bassim H. Hameed
School of Chemical Engineering
Highly Cited Researcher

Professor Dr. Abd Karim Alias
School of Industrial Technology
Highly Cited Researcher

MCC Malaysian Citation Centre
Clarivate Analytics
STARS 5★ KAMI MEMIMPIN | WE LEAD
TOP 1% Universities in the World
8TH BEST IN RESEARCH
TOP 50TH QUARTER
USMOfficial1969

PUTRAJAYA, 5 Oktober 2017 – Tiga pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM) diiktiraf sebagai Highly Cited Researcher iaitu pengiktirafan tertinggi Malaysia's Research Star Award (MRSA) 2017 yang dianugerahkan oleh Clarivate Analytics. Mereka yang menerima anugerah ini adalah pensyarah Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia, Profesor Dr. Abdul Latif Ahmad dan Profesor Dr. Bassim H. Hameed serta pensyarah Pusat Pengajian Teknologi Industri, Profesor Dr. Abd Karim Alias.

Mereka adalah antara enam penerima pengiktirafan tersebut yang disampaikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia, Dato' Seri Idris Jusoh di Malaysia's Research Star Award (MRSA) dan Pemberian Taraf CREAM 2017 di sini hari ini.



Menurut Menteri Pendidikan Tinggi, enam penyelidik ini dipilih kerana telah menerbitkan jumlah artikel yang paling banyak dan menerima sitasi tinggi dalam kalangan 1% teratas di dunia dalam bidang masing-masing. Ketiga-tiga mereka juga adalah antara yang paling berpengaruh daripada keseluruhan penyelidik di dunia.

"Saya amat berbesar hati dan bangga kerana menerima satu lagi penghargaan atas pencapaian saya. Jika dulu anugerah ini dinamakan Malaysia's Rising Star Award dan saya telah menerima anugerah ini sejak 2014, kini buat pertama kali diperkenalkan Malaysia's Research Star Award dan Alhamdulillah saya salah seorang daripada penerima.



“Penyelidikan adalah passion saya dan ini mendorong saya untuk terus menjalankan penyelidikan serta fokus dalam bidang-bidang kepakaran saya,” kata Bassim.

Menurut Abd Karim pula, pengiktirafan ini adalah satu pendorong kepada saya untuk menjadi lebih baik serta menjadi pendorong dan contoh kepada penyelidik-penyelidik muda amnya di Malaysia dan khususnya di USM.

“Saya ingin merakamkan terima kasih kepada semua mentor saya yang ikhlas membimbing saya dalam penyelidikan tanpa apa syarat sekalipun,” tambah Abd Karim yang juga Pengarah Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik dan Pembangunan Pelajar (CDAE).



“Saya juga merasa beruntung kerana mempunyai mentor yang sentiasa memberikan galakan dan dorongan dalam menjalankan penyelidikan yang memberikan impak yang tinggi dan menjadi rujukan bukan sahaja di dalam negara malah di peringkat antarabangsa,” kata Latif yang bersetuju dengan pandangan Abd Karim mengenai konsep mentor.

“Jadilah seorang penyelidik yang kreatif serta mempunyai bidang kepakaran yang berbeza dengan penyelidik lain supaya kita tidak perlu bersaing dalam memberikan impak yang baik bukan sahaja kepada penyelidikan malah kepada negara dan dunia.

Pada majlis yang sama, turut menerima anugerah MRSA adalah pensyarah PP Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral, Profesor Ir. Dr. Mariatti [Jaafar@Mustapha iaitu bagi \(mailto:Jaafar@Mustapha%20bagi\)](mailto:Jaafar@Mustapha%20bagi) kategori *Economic Impact Researcher* dan pensyarah PP Sains Kemasyarakatan, Profesor Dr. Lean Hooi Hooi bagi kategori *Frontier Researcher*.

Selain MRSA sebanyak 5 jurnal yang diterbitkan oleh USM menerima Taraf Cream 2017 iaitu Bulletin of the Malaysian Mathematical Science Society bagi kategori Jurnal Berprestasi Tinggi Diindeks dalam Web of Science, Jurnal Tropical Life Sciences Research, Journal of Physical Science, Journal of Construction in Developing Countries bagi kategori Jurnal Berprestasi Tinggi Diindeks dalam Scopus manakala Jurnal Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities bagi kategori Jurnal Berpotensi CREAM.

Teks: Nor Rafizah Md Zain / Foto: Mohd Fairus Md Isa



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (mailto:pro@usm.my)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015